



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PELUNCURAN
PROGRAM EKSPLORASI RUKUN NEGARA**

13 OGOS 2023 (AHAD)

11.00 PAGI

MYTOWN, CHERAS, KUALA LUMPUR

**Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia
MADANI.**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

SALUTASI

**Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Bersyukur kepada Tuhan kerana kita semua diberi peluang untuk berkumpul bersama-sama bagi menyaksikan **Majlis Peluncuran Program Eksplorasi Rukun Negara** yang merupakan salah **satu inisiatif baharu** oleh Kementerian Perpaduan Negara.
2. Umum mengetahui **Peristiwa 13 Mei 1969** telah mencatatkan sejarah pahit buat negara. Peristiwa tersebut telah menimbulkan ketegangan kaum disebabkan wujud jurang antara kemewahan bandar dan kemiskinan desa, serta berbagai-bagai lagi punca. Peristiwa rusuhan kecil tersebut juga telah **mengorbankan 196 nyawa** rakyat Malaysia.

3. Sehubungan dengan itu, **Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)** yang diketuai oleh Tun Abdul Razak telah dibentuk susulan sistem kerajaan Berparlimen telah digantung oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pengisytiharan darurat. **Perisytiharan Darurat** telah diwartakan dan berkuat kuasa pada **16 Mei 1969** di bawah Ordinan No. 2 (kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1969. MAGERAN ketika itu telah menubuhkan tiga badan iaitu **Majlis Muhibah Negara, Jabatan Perpaduan Negara dan Majlis Perundingan Negara (MPN)**.

4. Melalui Majlis Perundingan Negara yang dianggotai oleh **13 tokoh negara** daripada pelbagai latar belakang kaum dan kepakaran telah menghasilkan **Rukun Negara sebagai falsafah negara baharu**. Rukun Negara telah dirangka berdasarkan **tujuh tunjang** utama yang telah dikemukakan melalui **kertas 'Pillars of Nation'**. Antara tujuh (7) tunjang utama yang dicadangkan ketika itu adalah:

- Ketuhanan (*Belief in God or Supreme Being*)
- Kesetiaan (*Loyalty*)
- Keadilan (*Justice*)
- Kewarganegaraan (*Citizenship*)
- Keutuhan (*Integrity of the Nation*)

- Kebahagiaan (*Well-being*)
- Kesopanan (*Canons of Decency*)

5. Akhirnya, Rukun Negara telah dirangka dan disusun kepada **dua bahagian iaitu 5 cita-cita dan 5 prinsip**. Cita-cita dan prinsip Rukun Negara kemudiannya telah diterjemah kepada suatu bentuk falsafah atau ideologi nasional. Falsafah atau ideologi nasional ini terus kekal sebagai panduan dan **tonggak negara (Pillars of Nation)** yang akan diterapkan dalam semua bidang dan kegiatan.

6. Rukun Negara telah **diisytiharkan dengan rasminya oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin**, Yang di-Pertuan Agong pada **31 Ogos 1970**. Pengisytiharan Rukun Negara ini merupakan usaha serius kerajaan untuk menyemai prinsip kerukunan dan perpaduan dalam kalangan rakyat. Bermula 31 Ogos 1970, **Rukun Negara telah dilafazkan dan dipraktikkan secara serius** oleh semua pihak dalam apa jua perkara sebagai falsafah negara.

RUKUN NEGARA ASAS PENYATUAN BANGSA

Hadirin- hadirat yang dihormati sekalian,

7. Rukun Negara merupakan **asas penyatuan bangsa Malaysia** dan visi bagi merealisasikan kontrak sosial yang dipersetujui oleh kaum-kaum utama di Malaysia semasa pengubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dan juga Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Ianya dibentuk dengan tujuan utama, iaitu **membentuk perpaduan kukuh dalam kalangan rakyat dan menjadi identiti rakyat Malaysia.**

8. Antara **matlamat Rukun Negara** ialah mewujudkan masyarakat Malaysia ke arah mencapai perpaduan lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat. Bagi mencapai matlamat ini, digariskan **lima (5) prinsip Rukun Negara** yang perlu difahami dan dihayati setiap lapisan masyarakat. **Lima (5) prinsip Rukun Negara** bukan sahaja perlu dihayati, malahan perkara yang lebih penting adalah memahami dan **menghayati cita-cita dalam *preamble* (mukadimah) Rukun Negara** tersebut.

9. Prinsip dalam Rukun Negara jelas **kunci kepada keharmonian dan perpaduan kaum** demi kestabilan Malaysia, bertujuan menyemai nilai murni dalam kalangan masyarakat, nilai keagamaan, kesetiaan kepada Raja dan negara, kepatuhan kepada Perlembagaan dan undang-undang serta masyarakat yang sopan dan bertatasusila.
10. Ambil petikan **kata-kata Sultan Alauddin Riayat Shah** untuk pedoman. Baginda diberitakan pernah bertitah, **'Rakyat itu umpama akar, Raja itu umpama pohonnya.** Jikalau tiada akar, nescaya pohon tidak akan dapat berdiri'. Begitu signifikan dinyatakan hubungan antara rakyat dan Raja. Inilah elemen yang ingin diterapkan melalui prinsip kedua Rukun Negara iaitu Kesetiaan kepada Raja dan Negara.
11. Justeru, Kerajaan sejak dahulu lagi telah melipatgandakan usaha untuk melahirkan rakyat Malaysia bersatu padu melalui penghayatan Rukun Negara. Antaranya, **Buku Tata rakyat diperkenalkan sejak Oktober 1973** untuk pelajar sekolah rendah (darjah lima) kemudian **Subjek Sivik dan Kewarganegaraan** yang bertujuan mendidik kanak-kanak menjadi rakyat yang bertanggungjawab sesuai dengan cita-cita negara seperti yang tercatat dalam Rukun Negara.

12. Saya masih ingat dahulu, **Lagu Muhibbah** yang merupakan lagu tema Hari Kebangsaan Ke-13 pada 31 Ogos 1970 sering didengarkan di corong-corong radio dan ditayangkan di kaca-kaca televisyen yang menjadi tunjang **semangat pengikat perpaduan negara**.

13. **Peranan media juga amat signifikan** dalam melestarikan perpaduan negara. Dahulu terdapat **akhbar PEMBENA** pelbagai versi bahasa mengupas mengenai Rukun Negara yang diperkenalkan sejak 1 Oktober 1970 lagi. Media mampu menjadi medium pemangkin keharmonian dan perpaduan dalam memastikan kestabilan negara sentiasa terjamin.

14. Usaha mengukuhkan dan menyatupadukan rakyat berbilang bangsa sentiasa menjadi **agenda utama** Kerajaan. Kementerian Perpaduan Negara akan terus menjadi pemacu utama agenda ini melalui pelaksanaan program, dasar-dasar dan pemerkasaan jentera perpaduan. Sehingga kini, terdapat sebanyak **8,348 Kawasan Rukun Tetangga, 125 Skwad Uniti, 6,847 Kelab Rukun Negara dan 188 Sekretariat Rukun Negara** yang menjadi wadah utama penyebaran semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia berbilang bangsa dan agama.

15. Dalam menyokong hasrat tersebut, baru-baru ini **Kerajaan telah bersetuju** dengan cadangan supaya **sesi lafaz ikrar Rukun Negara dibaca penuh bermula dengan mukadimah dan diikuti dengan lima perinsip Rukun Negara** dalam program-program rasmi Kerajaan termasuk semasa majlis perhimpunan di semua sekolah.
16. Oleh yang demikian, semua pihak perlu menjadikan sesi lafaz ikrar Rukun Negara yang dibaca penuh sebagai budaya dalam setiap majlis bagi meningkatkan semangat patriotisma dan jati diri bangsa Malaysia. Tuntasnya, rakyat perlu bersama **menghayati maksud Rukun Negara sebagai asas perpaduan dan pembinaan negara bangsa** di Malaysia.

PROGRAM EKSPLORASI RUKUN NEGARA

Hadirin dan hadirat sekalian,

17. **“Rukun Negara jangan hanya menjadi perhiasan di bibir kita sahaja, tetapi hendaklah juga dijadikan pelita di hati”**. Bagi memberi kefahaman dan meningkatkan penghayatan terhadap Rukun Negara, Kementerian juga telah merangka program di bawah *Flagship* Kembara Perpaduan iaitu **Program Eksplorasi Rukun Negara** yang melibatkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat.

18. Objektif program ini adalah untuk **meningkatkan penghayatan Rukun Negara sebagai agen penyatupaduan rakyat Malaysia dan menyemai taat setia dan rasa cintakan negara** selain dapat membangkitkan sifat patriotisme sebagai medium yang mencambah nilai kasih sayang, saling hormat menghormati dan kebersamaan antara masyarakat.

19. Pelbagai **aktiviti menarik** telah disusun di bawah program ini bagi menyemarakkan penghayatan Rukun Negara terutamanya dalam menarik minat anak-anak muda. Antaranya adalah:

- (i) Dialog Anak Muda;
- (ii) Ekspresi Rukun Negara;
- (iii) Muzikal Eksplorasi Rukun Negara;
- (iv) Hero Impian Untuk Malaysia;
- (v) Pameran Mini Rukun Negara;
- (vi) Kisah Kejayaan Malaysia Kita;
- (vii) Kapsul Suara Anak Malaysia;
- (viii) *E-Sport Challenge*; dan
- (ix) Pameran Agensi Kerajaan

20. Program-program menarik yang disusun ini akan melibatkan penyertaan daripada pelbagai golongan masyarakat termasuk **kanak-kanak, pelajar sekolah, pelajar institusi pendidikan tinggi, belia, pemimpin komuniti dan masyarakat umum.**

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati,

21. Ikatan persefahaman antara pelbagai kaum di negara ini menjadi tugu penggerak negara yang penting. Ikatan ini bukan terbina hanya sekelip mata tetapi ianya memakan masa yang begitu lama. **Kebersamaan kita untuk memahami aspirasi ini dan menterjemahkannya dalam kehidupan seharian adalah sangat-sangat dituntut** agar aspirasi yang diinginkan ini dapat direalisasikan secara lebih sempurna dan mantap. **Benarlah, imaginasi tanpa realisasi hanyalah halusinasi.**

22. Bagi memastikan perpaduan terus dikecapi, generasi kita kini seharusnya **peka dengan Rukun Negara dan menghayati erti sebenar kewujudan Rukun Negara.** Ini kerana Rukun Negara bukan hanya untuk dihafal atau diikrarkan tetapi ia perlu diterapkan dalam kehidupan seharian kita.

23. Dengan berpegang teguh kepada prinsip Rukun Negara, kita mampu menjadi rakyat Malaysia yang bersatu padu, kukuh dan berwibawa bagi menghadapi apa saja cabaran.

***Baju kebaya kain bercorak,
Cantik memikat si gadis desa,
Rukun Negara lima tertegak,
Penyatu rakyat berbilang bangsa.***

24. Dengan ini, saya dengan sukacitanya **meluncurkan Program Eksplorasi Rukun Negara.**

Sekian, terima kasih.